

Qalam

Bilangan 75 Rabiulawal 1376 Oktober 1956 60 sen

Pendeta Za'ba

Penulis rencana ini menyatakan setinggi-tinggi syukur atas akuan rakyat kepada ahli bahasa kita Haji Zainal Abidin bin Ahmad yang terkenal dengan Za'ba. Penulis ini telah menamakan beliau sejak 20 tahun yang lalu sebagai Pendeta Bahasa Melayu dan demikianlah seterusnya sehingga di dalam majalah Qalam dan juga Warta panggilan dan gelaran itu tetap berjalan. Pada masa itu akuan yang demikian diejek-ejek oleh setengah bahagian terutamanya di dalam masa ribut-ribut hendak menghantar rombongan bahasa ke Indonesia dahulu. Tetapi Alhamdulillah sesudah Kongres Ketiga Bahasa Melayu, sesudah mereka bercampur dan mengetahui siapa sebenarnya Tuan Zainal Abidin bin Ahmad itu barulah mereka insaf bahawa beliau patut dan mestinya mendapat gelaran Pendeta dalam bahasa Melayu. Kerana itu kita berasa tidak ada satu pihak yang lebih bersyukur daripada kita tentang rakyat telah menggelarkan beliau Pendeta. Kita merasa gembira dan bersyukur agar dapatlah terus berkhidmat kepada bahasa yang sangat besar ertiannya dengan kebangkitan bangsa pada masa yang akan datang. Inilah kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pemberian gelaran oleh kongres yang bermakna rakyat meletakkan seseorang itu pada tempatnya yang sebenar.

* * *

Mufti Johor

Dalam majlis syarahan yang telah diadakan oleh Persekutuan Seruan Islam se-Malaya baru-baru ini Tuan Hamka tatkala menjawab satu pertanyaan yang berbunyi: Adakah pertubuhan Muhammadiyyah itu sebuah pertubuhan Islam yang dibelanjai oleh Belanda atau Kristian, dan adakah Muhammadiyyah itu pada mulanya satu badan yang bekerjasama atau penyokong Qadyani dan Pembela Islam sebuah majalah yang diterbitkan oleh Persatuan Islam di Bandung dan Tuan Hasan Ahmad pengarangnya Qadyani, telah menyatakan dengan terang dan tepat dan lebih kurang demikian:

Dengan sifatnya sebagai seorang anggota Dewan Pemimpin Pusat Muhammadiyyah ia menyatakan bahawa adalah dusta sama sekali bahawa Muhammadiyyah itu dibelanjai oleh Kristian; dan berkenaan dengan Qadyani, ia menyatakan bahawa dengan tidak disedari, pada satu masa dahulu, lebih kurang pada tahun 1933 seorang yang bernama Sangkoto telah menyeludup masuk ke dalam Muhammadiyyah dan apabila mereka ketahui, mereka menanti peluang, sampai apabila tiba masanya di hadapan umum Sangkoto itu dikemukakan, dan kebetulan pada masa itu tiba Maulana Abdul Alim Siddiqi ke Jogja dan di situ lah diadakan satu perbahasan dan dalam perbahasan itu mereka kemukakan Sangkoto supaya diketahui umum bahawa Sangkoto itu bukan Muhammadiyyah. Daripada kejadian itulah Sangkoto ditolak dari Muhammadiyyah. Dengan itu tidak benar kenyataan bahawa dengan kejadian itu Muhammadiyyah itu ialah orang-orang Qadyani dan tidak benar ada di antara pemimpin Muhammadiyyah yang telah bertaubat, sebagaimana yang disiarkan oleh Mufti Kerajaan Johor dalam risalahnya yang dalam Warta Pejabat Agama Johor yang telah menuduh Muhammadiyyah itu adalah pendokong-pendokong Qadyani dan telah menyatakan juga tidak